



**KAJIAN INOVASI APLIKASI DECO TOUCH  
DI KEDAI KENARI HOME DECO**

**MUHAMMAD AFIQ AKMAL BIN YUSUF  
(10DPM19F2040)**

**NUR NIESHA HANA BINTI SHAHRURIZAN  
(10DPM19F2020)**

**NURUL AIN BINTI A.RAHHIM  
(10DPM19F2034)**

**SITI NUR IDAYU BINTI ABDULLAH  
(10DPM19F2052)**

**SITI ZARINA BINTI ZULKIFLI  
(10DPM19F2018)**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**1 2021/2022**



**KAJIAN INOVASI APLIKASI DECO TOUCH  
DI KEDAI KENARI HOME DECO**

**MUHAMMAD AFIQ AKMAL BIN YUSUF  
(10DPM19F2040)**

**NUR NIESHA HANA BINTI SHAHRURIZAN  
(10DPM19F2020)**

**NURUL AIN BINTI A.RAHHIM  
(10DPM19F2034)**

**SITI NUR IDAYU BINTI ABDULLAH  
(10DPM19F2052)**

**SITI ZARINA BINTI ZULKIFLI  
(10DPM19F2018)**

**Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai  
memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Diploma  
Pengajian Perniagaan**

**JABATAN PERDAGANGAN  
1 2021/2022**

# **AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK**

## **KAJIAN INOVASI APLIKASI DECO TOUCH DI KEDAI KENARI HOME DECO**

1. Kami, nama di bawah:

- A) MUHAMMAD AFIQ AKMAL BIN YUSUF(IC: 001004-02-0637)
- B) NUR NIESHA HANA BINTI SHAHRURIAN(IC: 010806-08-0484)
- C) NURUL AIN BINTI A.RAHHIM(IC: 010122-02-0990)
- D) SIT NUR IDAYU BINTI ABDULLAH(IC: 000609-07-0720)
- E) SITI ZARINA BINTI ZULKIFLI(IC: 010825-14-0390)

adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

2. Saya mengakui bahawa aplikasi Deco Touch dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil reka cipta saya tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak lain.

3. Saya bersetuju melepaskan pemilikan harga intelek aplikasi Deco Touch bagi memenuhi keperluan untuk penanugerahan Diploma Pergajian Perniagaan kepada saya.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui )  
oleh yang tersebut ; )

(MOHAMMAD AFIQ AKMAL BIN YUSUF  
(No. Kad Pengenalan : (001004-02-0637)

.....  
MOHAMMAD AFIQ AKMAL BIN  
YUSUF

(NUR NIESHA HANA BINTI SHAHRURIZAN )  
(No. Kad Pengenalan : ( 010806-08-0484)

.....  
NUR NIESHA HANA BINTI  
SHAHURURIZAN

(NURUL AIN BINTI A.RAHHIM)  
(No. Kad Pengenalan : (010122-02-0990)

.....  
NURUL AIN BINTI A.RAHHIM

(SITI ZARINA BINTI ZULFIKLI )  
(No. Kad Pengenalan : (010825-14-0390)

.....  
SITI ZARINA BINTI ZULFIKLI

(SITI NUR IDAYU BINTI ABDULLAH )  
(No. Kad Pengenalan : (000609-07-0720)

.....  
SITI NUR IDAYU BINTI ABDULLAH

Di hadapan saya,

DR HASNAH BINTI BINTI MUHAMAD  
(No.Kad pengenalan : ( ))

.....  
DR.HASNAH BINTI MUHAMAD

sebagai Penyelia Projek pada tarikh: (28/6/2021 )

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya diberikan peluang untuk kami membangunkan aplikasi Deco Touch untuk Kenari Home Deco bagi memenuhi keperluan kursus DPB50163 Business Project.

Di kesempatan ini, kami ingin megucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kursus Business Project iaitu Dr Rohani Binti M.M Yusoff kerana beliau telah banyak membantu dan juga banyak memberi tunjuk ajar kepada kami untuk menyiapkan projek ini. Di samping itu, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada penyelia iaitu Dr Hasnah binti Muhamad kerana beliau telah banyak membantu kami dari segi aspek idea-idea yang bernas, dan tenaga beliau untuk memastikan kami menyiapkan projek ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurus Kenari Home Deco kerana memberi keizinan kepada kami untuk melaksanakan projek ini. Terima kasih juga kepada semua ahli kumpulan yang telah banyak memberikan kerjasama, menyumbang tenaga dan memberi idea dalam melaksanakan projek ini. Akhir sekali, kami mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini samada secara langsung atau tidak langsung.

Sekian terima kasih

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan menilai kebolehgunaan aplikasi mudah alih dalam sesebuah perniagaan menggunakan medium teknologi. Aplikasi mudah alih ini dibangunkan untuk membantu syarikat pembangun di luar sana dalam menjalankan perniagaan mereka. Hasil dapatan daripada kajian ini mendapati bahawa pensyarah bersama dan pelajar sangat berpuas hati terhadap aplikasi yang dibangunkan ini. Tambahan pula, pembinaan aplikasi mudah alih ini berjaya dibangunkan dan berpotensi dapat membantu syarikat di luar sana. Kesimpulannya, diharapkan aplikasi ini dapat memberikan ruang serta idea kepada inovasi yang seterusnya dalam medium teknologi yang sedang membangun pada masa akan datang.

kata kunci: kebolehgunaan aplikasi mudah alih, membantu syarikat pembangunan, aplikasi berjaya dibangunkan, aplikasi diharapkan dapat memberi ruang serta idea kepada inovasi seterusnya, teknologi yang sedang membangun.

## **ABSTRACT**

This study aims to evaluate the usability of mobile applications in a business using medium technology. This mobile app is developed to help development companies out there in running their business. The findings from this study found that the co -lecturers and students were very satisfied with this developed application. Furthermore, the construction of this mobile application was successfully developed and has the potential to help companies out there. In conclusion, this application is expected to provide space as well as ideas to the next innovation in medium technology that is developing in the future.

keyword: usability of mobile applications, help development companies, application was successfully developed, application is expected to provide space as well as ideas to the next innovation, technology that is developing.

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>BAB PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK</b>	iii - iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b>ABSTRACT</b>	vii
<b>KANDUNGAN</b>	viii - x
<b>1 PENGENALAN</b>	<b>1 – 8</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Projek	1 - 2
1.3 Penyataan Masalah	2
1.4 Analisis Keperluan	2
1.5 Justifikasi Projek	2 - 3
1.6 Objektif Projek	4
1.7 Persoalan Projek	4
1.8 Skop projek	4
1.9 Kepentingan Projek	5
1.10 Tafsiran Istilah	6 - 7
1.11 Rumusan	8
<b>2 KAJIAN LITERATUR / LAPANGAN</b>	<b>9 - 11</b>
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Kajian Terdahulu / Ulasan Siasatan	9
2.2.1 Keperluan Aplikasi	9 - 10
2.2.2 Keberkesanan Aplikasi	10
2.2.3 Perniagaan Atas Talian	11

2.3 Rumusan	11
<b>3 METODOLOGI/REKA BENTUK</b>	<b>12 – 26</b>
3.1 Pendahuluan	12
3.2 Rekabentuk Kajian/Projek	12
3.2.1 Kaedah/Prosedur/Teknik	12 - 14
Penghasilan Projek	
3.2.2 Kaedah Pengumpulan Data/Bahan	15 - 23
dan Peralatan	
3.2.3 Kajian Rintis	24
3.2.4 Maklum Balas Kajian Rintis	24
3.2.5 Penambahbaikan Projek	24 - 25
3.3 Kaedah Analisis Data	25
3.4 Impak Projek	25 - 26
3.5 Rumusan	26
<b>4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>27 – 32</b>
4.1 Pendahuluan	27
4.2 Dapatan Kajian	27 - 32
4.3 Perbincangan	32
4.4 Kos Yang Terlibat	32
4.5 Rumusan	32

<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>33 – 35</b>
5.1	Pendahuluan	33
5.2	Kesimpulan	33
5.3	Cadangan	34
5.4	Limitasi Kajian	34
5.5	Rumusan	35
	<b>RUJUKAN</b>	<b>36</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>37 – 42</b>

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif projek, persoalan projek, skop projek dan kepentingan projek. Kajian ini secara umumnya untuk mengenalpasti permasalahan yang terdapat di Syarikat Kenari Home Deco. Syarikat ini adalah syarikat yang menjalankan perniagaan di kawasan Sungai Petani,Kedah. Jenis perniagaan adalah milikan tunggal. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya bertumpu kepada permasalahan perkhidmatan yang dihadapi oleh ini.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membantu mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh Syarikat Kenari Home Deco. Antara masalah yang dihadapi adalah pelanggan sukar membuat pilihan untuk memilih corak kertas hiasan dinding. Seterusnya syarikat ini juga menghadapi masalah dimana menerima banyak keluhan daripada pelanggan yang ingin melawat ke Syarikat Kenari Home Deco kerana kebanyakkan pelanggan tinggal berjauhan dari syarikat ini. Ini membuatkan mereka sukar untuk melawat dan melihat dengan sendiri corak kertas hiasan dinding. Syarikat Kenari Home Deco ini beroperasi sebagai sebuah syarikat yang menyediakan pelbagai hiasan dalaman rumah dan perkhidmatan servis yang lain. Oleh sebab itu, kami bercadang untuk membangunkan satu bentuk aplikasi Deco Touch bertujuan untuk menyelesaikan masalah Syarikat Kenari Home Deco ini.

### **1.2 LATAR BELAKANG PROJEK**

Syarikat Kenari Home Deco ini ditubuhkan pada tahun 2014 dan lokasi syarikat ini ada di Sungai Petani, Kedah. Syarikat ini beroperasi dari pukul 9:30 pagi sehingga 6:30 petang. Syarikat Kenari Home Deco ini diusahakan oleh Mohamad Syahkifly Bin Yusuf. Terdapat seramai 7 orang pekerja yang bekerja di Syarikat Kenari Home Deco. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah pemasangan langsin , ‘wainscoating’ , kertas hiasan dinding , vinyl tile , bidai kayu, pemasangan cctv , wiring dan pemasangan penyaman udara. Kami mendapati Syarikat Kenari Home Deco amat terkenal di kawasan Sungai Petani dan mempunyai ramai

pelanggan yang berdekatan dan juga pelanggan yang dari luar negeri . Jadi,kami menwujudkan aplikasi Deco Touch untuk memudahkan lagi pelanggan dalam membuat pilhan pelbagai corak baharu atau mahukan perkhidmatan syarikat ini melaui aplikasi tersebut.

### **1.3 PENYATAAN MASALAH**

Hasil daripada kajian ini, terdapat beberapa masalah yang dialami oleh Syarikat Kenari Home Deco yang berkaitan dengan perkhidmatan kepada pelanggan. Antaranya ialah pelanggan sukar untuk membuat pemilihan seperti reka bentuk,warna dan jenis kertas hiasan dinding. Hal ini kerana Syarikat Kenari Home Deco tidak mempunyai gambaran yang lebih jelas untuk ditunjukkan kepada pelanggan. Seterusnya, hasil perbincangan kami dengan pemilik syarikat ini , iaitu Encik Mohamad Syahkifly bin Yusuf mendapati bahawa kebanyakkan pelanggan juga tidak mengetahui bahawa Syarikat Kenari Home Deco bukan sahaja menyediakan kertas hiasan dinding, blind dan langsir tetapi menyediakan perkhimatan cctv, pemasangan penghawa dingin dan lain-lain. Selain itu juga,masalah pelanggan yang ingin menempah perkhimatan di Syarikat Kenari Home Deco tetapi mempunyai kekangan masa dan tinggal jauh daripada Syarikat Kenari Home Deco yang berada di Sungai Petani,Kedah.

### **1.4 ANALISIS KEPERLUAN**

Analisis keperluan telah dijalankan bagi mengenalpasti keperluan bagi perkhimatan ini. Soal selidik telah digunakan bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi serta keperluan yang perlu dimasukkan di dalam Deco Touch. Soal analisis keperluan digunakan untuk tujuan tersebut. Seramai 20 orang pelanggan telah menjawab soal selidik ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa kebanyakkan pelanggan bersetuju dengan masalah yang telah dinyatakan. Untuk soalan bahagian B iaitu ``apakah masalah yang dihadapi?'' sebanyak 20% pelanggan menyatakan ``tidak'' dan 80% pelanggan menyatakan ``ya'' bagi pertanyaan masalah kesukaran berhubung dengan pekerja. Seterusnya, sebanyak 80% pelanggan menyatakan ``ya'' dan 20% ``tidak'' bagi pertanyaan mengenai masalah kesukaran menempah slot. Disamping itu, sebanyak 90% pelanggan yang menyatakan ``ya'' dan 10% menyatakan ``tidak'' bagi masalah bahawa mereka kekangan masa untuk datang ke Syarikat Kenari Home Deco kerana lokasi yang berjauhan.

Seterusnya, sebanyak 90% menyatakan “ya” dan 10% “tidak “ dengan masalah mengenai tidak dapat membuat keputusan dengan tepat kerana tiada gambaran yang jelas. Selain tu juga , sebanyak 95% pelanggan yang menyatakan “ya” dan 5% yang menyatakan “tidak” mengenai mereka hanya mengetahui bahawa Syarikat Kenari Home Deco hanya menyediakan perkhidmatan pemasangan kertas hiasan dinding. Selain itu untuk soalan di bahagian C iaitu “apakah pekerja yang perlu dimasukkan didalam aplikasi Deco Touch ?”. Sebanyak 90% pelanggan menyatakan “ya” dan 10% menyatakan “tidak” mengenai aplikasi Deco Touch mudah diakses. Seterusnya, sebanyak 90% menyatakan “ya” dan 10% menyatakan “tidak” untuk memudahkan untuk membuat tempahan di dalam aplikasi ini. Di samping itu, sebanyak 85% pelanggan yang menyatakan “ya” dan 15% yang menyatakan “tidak” untuk meletakkan mengenai perincian tentang perkhimatan yang ditawarkan. Seterusnya juga, sebanyak 95% pelanggan menyatakan “ya “ dan 5% menyatakan tidak bagi meletakkan reka bentuk yang pelbagai didalam aplikasi Deco Touch. Disamping itu, sebanyak 90% pelanggan yang menyatakan “ya” dan 10% menyatakan “tidak” mengenai perkhimatan dan kualiti kerja yang memuaskan. Akhir sekali, semua pelanggan menyatakan tiada untuk bahagian “lain-lain” seperti yang mereka ingin sampaikan.

## **1.5 JUSTIFIKASI PROJEK**

Kajian ini tertumpu kepada masalah yang dihadapi oleh Syarikat Kenari Home Deco. Hasil daripada kajian kami terdapat beberapa, masalah yang dialami oleh Syarikat Kenari Home Deco. Antaranya ialah dari segi pelanggan yang sukar membuat pemilihan yang tepat mengenai pemilihan jenis, warna dan reka bentuk kertas hiasan dinding. Selain itu juga lokasi Syarikat Kenari Home Deco yang berjauhan sukar untuk pelanggan datang kerana kekangan masa. Di samping itu, pelanggan hanya mengetahui bahawa Syarikat Kenari Home Deco hanya menawarkan perkhimatan pemasangan kertas hiasan dinding. Disebabkan beberapa masalah ini, Syarikat Kenari Home Deco mengalami kekurangan pelanggan. Hasil perbincangan pengkaji dengan pemilik syarikat mendapatkan sebuah idea untuk membantu syarikat ini dengan membuat sebuah aplikasi yang dinamakan “DECO TOUCH” yang dapat membantu pelanggan dalam pengurusan jual beli di syarikat ini.

## **1.6 OBJEKTIF KAJIAN**

Projek ini bertujuan untuk membantu Syarikat Kenari Home Deco dalam menambahbaik operasi syarikat. Secara kebetulan syarikat ini masih belum menggunakan lagi teknologi seperti aplikasi dalam melaksanakan urusan niaga bersama pelanggan. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah seperti yang berikut :

- i) Mengenalpasti sama ada aplikasi Deco Touch dapat memudahkan pelanggan untuk membuat pilihan mengenai reka bentuk, corak dan warna kertas hiasan dinding.
- ii) Mengenalpasti sama ada aplikasi Deco Touch dapat memudahkan pelanggan dalam urusniaga di Syarikat Kenari Home Deco.
- iii) Mengenalpasti sama ada aplikasi Deco Touch memudahkan pelanggan untuk membuat pembayaran selepas menggunakan perkhidmatan di Syarikat Kenari Home Deco.

## **1.7 PERSOALAN PROJEK**

- I. Adakah applikasi DECO TOUCH dapat membantu memudahkan pelanggan dalam membuat pemilihan dalam reka bentuk ,warna dan jenis kertas hiasan dinding ?
- II. Adakah applikasi DECO TOUCH dapat memberi kemudahan kepada pelanggan dalam berurus niaga dengan syarikat Kenari Home Deco?
- III. Adakah applikasi DECO TOUCH dapat memberi kemudahankan kepada pelanggan dalam pembayaran ?

## **1.8 SKOP PROJEK**

Skop kajian ini memfokuskan kepada perniagaan Syarikat Kenari Home Deco yang beroperasi di Sungai Petani, Kedah. Aplikasi Deco Touch diwujudkan untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Syarikat Kenari Home Deco. Dengan wujudnya aplikasi ini, dapat memudahkan Syarikat Kenari Home Deco untuk menarik lebih ramai pelanggan, menggunakan perkhidmatan yang disediakan dan pelanggan juga boleh melihat gambaran yang jelas dan pelbagai jenis corak, reka bentuk dan warna kertas hiasan dinding yang disediakan oleh Syarikat Kenari Home Deco.

## **1.9 KEPENTINGAN PROJEK**

### **1. MEMUDAHKAN PELANGGAN MEMBUAT PEMILIHAN**

Pelanggan sudah mempunyai idea untuk membuat pengubahsuaian rumah atau pejabat tetapi agak sukar bagi mereka membuat pemilihan hiasan dalaman. Dengan adanya aplikasi Deco Touch ini dapat memudahkan pelanggan untuk membuat pilihan dengan cepat.

### **2. MENJIMATKAN MASA**

Pelanggan Syarikat Kenari Home Deco ini bukan sahaja dari Sungai Petani tetapi terdapat juga pelanggan Syarikat Home Deco ini dari negeri yang berlainan. Justeru itu dengan adanya aplikasi Deco Touch ini pelanggan tidak perlu berkunjung ke syarikat untuk membeli atau melihat corak yang mereka inginkan mahupun perkhidmatan yang lain kerana pelanggan boleh menggunakan aplikasi Deco Touch ini untuk berurusan dengan mudah.

### **3. MENAMBAH NILAI SYARIKAT UNTUK BERSAING DENGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI YANG TERKINI**

Dengan adanya aplikasi Deco Touch ini Syarikat Kenari Home Deco dapat menambah nilai syarikat untuk bersaing dengan pasaran yang lebih mencabar. Hal ini kerana penggunaan teknologi pada zaman kini semakin canggih. Jadi dengan adanya daya saing di antara dengan pasaran yang lain dapat menambahkan kemajuan dan boleh menambah keuntungan syarikat dengan lebih baik

### **4. DAPAT MEMBERIKAN PELUANG KEPADA PENYELIDIK**

Projek ini dapat memberikan peluang kepada penyelidik untuk membina satu program bagi membantu syarikat ini. Berdasarkan permasalahan yang berlaku, penyelidik dapat berfikiran secara strategik dalam membantu menambahbaik syarikat agar mendapat keuntungan dan dapat memajukan syarikat tersebut

## **1.10 TAKRIFAN ISTILAH**

### **•Kenari Home Deco**

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan hiasan dalam rumah serta perkhidmatan dalam pemasangan dan juga pekerjaan tertentu.

### **•Curtain**

Tirai adalah helaian besar kain yang digantung dari bahagian atas tingkap untuk mengelakkan orang dapat melihat dari kawasan luar.

### **•WainsCoating**

Panel kayu yang dipasang melapisi bahagian bawah dinding bilik.

### **•Wallpaper**

Kertas dinding berwarna atau bercorak yang digunakan untuk menutup dan menghiasi dinding bilik.

### **•Vinyl Tile**

Lantai vinyl adalah pelekat lantai yang digunakan untuk menghiasi lantai rumah yang rosak atau kosong menjadi lebih cantik dan pelekat lantai ini juga sangat tahan lama.

### **•Roller Blind**

Sekeping bahan terpasang pada roller kayu atau logam yang boleh ditarik ke bawah untuk menutup tingkap lebih kurang seperti langsir cuma berbeza bahan yang digunakan.

### **•Carpet Wall To Wall**

Permaidani yang menutup sepenuhnya ke dinding adalah sesuatu yang memanjangkan panjang dan lebar keseluruhan ruangan. Contoh dinding ke dinding adalah permaidani yang meliputi setiap inci ruang tamu anda.

### **•Cctv**

Televisyen litar tertutup, juga dikenali sebagai pengawasan kamera video untuk merakamkan sesuatu gambaran dan dipancarkan kepada satu set monitor

### **•Wiring**

Sistem wayar atau pendawaian adalah rangkaian wayar yang digunakan dalam sistem elektrik, peranti, litar dan bangunan.

### **•Installation Aircond**

Pemasangan Penghawa Dingin ialah perkhidmatan yang dilakukan semasa pertama kali untuk pemasangan penghawa dingin.

### **•Service and Service**

Syarikat memberikan perkhidmatan tertentu, pekerja boleh melakukan pekerjaan tertentu atau jenis pekerjaan untuk pengguna.

### **•Change Plate Astro**

Menukar piring astro kepada yang baharu atau pemasangan piring astro kepada pengguna yang baharu menggunakan.

### **•DecoTouch**

Aplikasi yang dicipta khas untuk membantu Syarikat Kenari Home dalam melaksanakan tugas dan pekerjaan harian mereka dengan lebih mudah.

#### **• Pembayaran Atas Talian**

Pembayaran atas talian merupakan satu pendekatan pembayaran elektronik yang lebih mudah dan pantas juga dikenali sebagai e-payment. Ini merupakan pemindahan wang yang mudah dalam melaksanakan proses pembayaran atas talian.

## **1.11 RUMUSAN**

Kesimpulannya, projek ini telah mengenalpasti aplikasi Deco Touch yang dibangunkan dapat memudahkan pelanggan untuk membuat pilihan mengenai reka bentuk ,corak dan warna kertas hiasan dinding. Selain itu, Aplikasi ini juga memberikan kemudahan pembayaran bagi pelanggan yang ingin membeli dan berurus niaga dengan Syarikat Kenari Home Deco ini. Aplikasi Deco Touch juga turut memberikan kemudahan kepada pelanggan dalam membuat pilihan menyediakan pelbagai servis yang diperlukan tanpa perlu berkunjung ke kedai. Secara keseluruhannya dalam bab ini membincangkan tentang latar belakang projek, pernyataan masalah, objektif projek dan persoalan projek telah kami bincangkan bersama pensyarah untuk membangunkan satu bentuk aplikasi yang boleh diguna pakai oleh Syarikat Kenari Home Deco dan juga syarikat lain yang mempunyai masalah yang sama seperti Syarikat Kenari Home Deco.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LAPANGAN**

#### **2.1 - PENDAHULUAN**

Bab ini meninjau keperluan pembangunan aplikasi kepada perniagaan yang telah lama menapak di kawasan Sungai Petani, Kedah. Penciptaan aplikasi ini adalah berdasarkan kepada keperluan perniagaan yang telah dikaji serta keperluan pengguna terhadap perniagaan tersebut. Keberkesanan aplikasi ini juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu.

#### **2.2 - KAJIAN TERDAHULU/ULASAN/SIASATAN**

##### **2.2.1 - KEPERLUAN APLIKASI**

Pada masa kini, internet merupakan satu medium komunikasi yang diguna oleh pelbagai pihak terutamanya dalam bidang ekonomi. Di Malaysia, pelbagai aplikasi perniagaan diperkenalkan sebagai alternatif kepada transformasi di dalam sistem perniagaan, contohnya aplikasi GRAB dan FOODPANDA yang sangat popular. Menurut Izatul (2019) industri revolusi 4.0 menjadikan perkembangan teknologi bertambah canggih dan pesat. Aplikasi dibagunkan bertujuan untuk membantu perniagaan lebih berkembang mengikut perkembangan teknologi semasa, aplikasi juga dapat memudahkan pelanggan untuk membuat tempahan atau membeli sesuatu barang dengan menggunakan hujung jari sahaja.

Teknologi kini berkembang pesat menjadikan kehidupan manusia bertambah pantas dan cekap. Ini menyebabkan sektor perniagaan perlu bersaingan sesama sendiri untuk menarik pelanggan (Abu Bakar ,2019). Contohnya, perkhimatan yang disediakan oleh FOODPANDA bertujuan untuk memenuhi kehendak pelanggan seperti menghantar makanan sehingga ke pintu rumah(Abu Bakar,2019). Teknologi internet diguna pakai didalam operasi perniagaan pada masa kini bertujuan untuk membantu perniagaan agar mudah dicapai oleh pelanggan.Berikutnya dengan perkembangan, pengkaji telah menjalankan satu kajian keperluan untuk mendapatkan maklumat mengenai aplikasi. Kajian telah dijalankan terhadap 20 orang pelanggan disebuah syarikat hiasan dalaman di Sungai Petani,Kedah.

Hasil kajian ini, mendapati bahawa kebanyakkan pelanggan bersetuju bahawa aplikasi dapat menarik minat mereka untuk membeli barang dengan lebih mudah dan menjimatkan masa mereka. Aplikasi pengkomputeran kini menjadi medium kemudahan urusan seharian (Muhammad Nasri, 2019)

Sektor perniagaan pada masa kini lebih sinonim dengan teknologi untuk memasarkan produk. Perniagaan yang sentiasa peka dengan perubahan pemasaran semasa akan menjadikan perniagaan yang lebih stabil dan kukuh (Ruziah, 2011). Penggunaan teknologi yang berperanan penting didalam sektor perniagaan seperti syarikat hiasan dalaman, teknologi bukan sahaja melibatkan literasi komputer malahan berfungsi sebagai media yang menyampaikan maklumat didalam perniagaan (Ahmad ,2011).

Teknologi juga.bukan sahaja untuk memudahkan pelanggan malahan melancarkan perniagaan untuk menyampaikan maklumat kepada pelanggan.Berikutnya dengan itu,pengkaji mencadangkan bahawa penggunaan aplikasi Deco Touch diguna pakai dalam perniagaan hiasan dalaman di Sungai Petani,Kedah.

### **2.2.2 - KEBERKESANAN APLIKASI**

Pada zaman sekarang kemudahan teknologi dan maklumat amat penting dalam kehidupan harian kita. Hal ini dengan adanya teknologi dan maklumat dapat menjimatkan masa seseorang dan memudahkan urusan jual beli seperti menggunakan aplikasi yang mudah. Menurut Senn (1998) kemudahan teknologi ini mencipta peluang kepada manusia dan organisasi untuk lebih produktif, berkesan dan umumnya berjaya. Jadi Syarikat Kenari Home Deco menghasilkan Deco Touch ini dengan bertujuan untuk memudahkan pelanggan Kenari Home Deco menggunakanannya.

Aplikasi Deco Touch ini mempunyai banyak kemudahan untuk membantu pelanggan membuat pemilihan dan melihat pelbagai jenis corak hiasan kertas dinding dan perkhidmatan yang lain. Dengan itu aplikasi Deco Touch ini perlulah mempunyai susunan yang kemas, cantik dan teliti untuk memudahkan pelanggan menggunakanannya. Sekiranya pelanggan ingin menggunakan aplikasi Deco Touch ini mereka perlulah memuat turun di Play Store. Aplikasi ini tidak dikenakan bayaran ketika di muat turun ke dalam telefon pintar masing masing.

### **2.2.3 PERNIAGAAN ATAS TALIAN**

Munurut Nurulhayah, perniagaan atas talian merupakan perniagaan yang sangat popular dan menjadi pilihan masyarakat pada hari ini. Kini, urusan harian perniagaan atas talian dapat dipermudahkan dengan adanya kemudahan internet dan bukan hanya aliran semasa. Oleh itu, dengan kemudahan atas talian yang terdapat pada masa kini ia boleh dijadikan untuk menambahkan pendapatan. Begitu juga dengan kajian kami di Kenari Home Deco, melalui satu aplikasi yang kami bangunkan ini bagi memudahkan kedua dua belah pihak. Dengan ini, kami dapat memuaskan hati para pelanggan dan juga memberikan keuntungan kepada pemilik perniagaan.

### **2.4 RUMUSAN**

Secara keseluruhan bab dua telah mengulas keperluan penggunaan pembangunan aplikasi kepada pengguna terhadap perniagaan untuk melihat keberkesanan aplikasi tersebut. Ini membawa kepada penentuan untuk menguji keberkesanan dan pembentukan aplikasi Deco Touch ini kepada perniagaan Kenari Home Deco. Impak daripada aplikasi ini didorong oleh pengkaji bahawa Deco Touch ini menarik minat para pelanggan dalam memuat turun aplikasi dalam membeli barang atas talian dengan lebih mudah.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI/REKA BENTUK**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk menghasilkan aplikasi Deco Touch. Kemudian pada bab ini juga akan diterangkan tentang penyelidikan yang merangkumi persampelan, perkembangan instrument, teknik pengumpulan data dan analisis data yang akan digunakan dalam kajian ini.

#### **3.2 REKA BENTUK PROJEK**

##### **3.2.1 Kaedah/Prosedur/Teknik Penghasilan Projek**


Dalam proses membangunkan aplikasi, terdapat beberapa langkah perlu dijalankan seperti berikut :-

###### **LANGKAH 1**

Mengumpul semua maklumat daripada syarikat Kenari Home Deco untuk mengetahui masalah yang dihadapinya. Masalah tersebut dicatat dan kami akan menyelesaikan masalah tersebut dengan membangunkan satu aplikasi.

###### **LANGKAH 2**


Menggunakan platform Jotform untuk membina aplikasi. ( Klik “ Get Started New “ untuk membina aplikasi



Rajah 3.1

### LANGKAH 3


Jotform akan memberikan pilihan sama ada muhul mereka sendiri design aplikasi atau menggunakan template yang sedia ada.



Rajah 3.2

## LANGKAH 4


Memilih template kosong untuk mula membina aplikasi.



Rajah 3.3

## LANGKAH 5

Masukkan elemen-elemen yang diperlukan di dalam aplikasi



Rajah 3.4

### **3.2.2 Bahan dan Peralatan**


Kami menggunakan laman sesawang JotForm untuk membangunkan aplikasi Deco Touch ini. Laman sesawang JotForm ini memerlukan kos sebanyak RM350 untuk membangunkan aplikasi. JotForm ini memudahkan kita untuk membangunkan sesuatu aplikasi berdasarkan kreativiti dan kepuasan kita sendiri.

- I. Komputer riba – Diperlukan untuk menghias dan merancang aplikasi ini semasa proses pembangunan aplikasi.
- II. Telefon Pintar – Diperlukan untuk menguji inovasi aplikasi ini sama ada ia akan dapat berfungsi dengan baik atau tidak.
- III. Sambungan internet – Diperlukan untuk melayari laman web dan membangunkan aplikasi.

### **Cara untuk mengendalikan aplikasi Deco Touch**


#### **LANGKAH 1**

Setelah membuka aplikasi , pelanggan akan melihat halaman utama. Halaman utama mempunyai senarai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat. Pelanggan boleh memilih perkhidmatan yang diperlukan.




## LANGKAH 2

Halaman kedua , pelanggan akan melihat kategori untuk kertas hiasan dinding . Pelanggan boleh memilih dan lihat corak yang diinginkan.



### LANGKAH 3

Contoh “Elegance Design” dibawah kategori kertas hiasan dinding



#### LANGKAH 4

Bahagian “ Checkout “ dimana pelanggan perlu mengisi butiran untuk syarikat memproses pembelian pelanggan.



## Checkout

Name

First Name

Last Name

Phone Number

Area Code

Phone Number

Email


example@example.com



Create your own Jotform

### LANGKAH 5

“ My Cart “ dimana pelanggan boleh membuat pilihan tentang berapa kuantiti yang diperlukan



## LANGKAH 6

Cara pembayaran yang disediakan untuk pelanggan membuat pembayaran . Pelanggan perlu mengisi butiran seperti dibawah untuk meneruskan pembayaran .

## Payment Methods

First Name

Last Name

Credit Card Number

Security Code

Card Expiration

Submit



Create your own Jotform

## LANGKAH 7

Setelah pembayaran berjaya dilakukan , pelanggan akan mendapat pemberitahuan bahawa pembayaran telah diterima oleh pihak syarikat.





## Thank You!

Your submission has been received.

### LANGKAH 8

Pelanggan akan menerima e-mail yang mengandungi invois sebagai bukti bahawa pembayaran yang dilakukan berjaya diterima oleh pihak syarikat



### **3.2.3 KAJIAN RINTIS**

Aplikasi Deco Touch ini telah dibangunkan untuk memudahkan keperluan dan kehendak Syarikat Kenari Home Deco. Dari hasil temubual dari pekerja dan pemilik Syarikat Kenari Home Deco yang mengunakkkan perkhidmatan ini pengkaji memutuskan untuk melakukan pra penyelidikan ke atas 10 orang responden untuk mengetahui kelajuan dan bagaimana aplikasi ini berfungsi ketika mereka mengunakkannya. Jadi pengkaji boleh membuat perubahan sekiranya mempunyai masalah dengan aplikasi tersebut.

### **3.2.4 MAKLUMBALAS KAJIAN RINTIS**

Borang selidik telah diedarkan melalui google form atas talian. Borang soal selidik tersebut telah diedarkan kepada 50 responden iaitu pelanggan dari Syarikat Kenari Home Deco. Soal selidik ini untuk menyatakan pendapat dan membantu kami dalam membuat penambahbaikan dalam aplikasi Deco Touch ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa 53.3% responden sangat setuju bahawa aplikasi Deco Touch ini mudah untuk diakses. Selain itu seramai 28.3% setuju bahawa aplikasi Deco Touch mudah untuk membuat tempahan. Seterusnya 61.7% sangat setuju bahawa aplikasi Deco Touch menunjukkan perincian mengenai perkhidmatan yang ditawarkan. Di samping itu 31.7% setuju dimana aplikasi Deco Touch ini dapat memudahkan dalam pemilihan reka bentuk pelbagai. Seterusnya 60% sangat setuju bahawa cara susunan dalam aplikasi Deco Touch ini jelas untuk diguna. Selain itu seramai 46.7% memilih biasa bahawa jenis saiz font yang digunakan dalam aplikasi Deco Touch ini sesuai. Manakala, 36.7% sangat setuju bahawa jenis font digunakan oleh aplikasi Deco Touch ini sesuai. Akhir sekali 48.3% tidak sangat setuju bahawa aplikasi ini Deco Touch ini memerlukan masa yang lama untuk muat turun.

### **3.2.5 PENAMBAHBAIKAN PRODUK**

Hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan mengenai aplikasi Deco Touch dengan menggunakan google form. Kami mendapati bahawa respon yang kami perolehi menyatakan bahawa sesetengah responden tidak bersetuju dengan saiz fon yang diguna pakai dalam aplikasi Deco Touch ini, jadi sebagai pengkaji kami membuat penambahbaikan dengan membesarkan lagi saiz fon mengikut kesesuaian dan kehendak pelanggan. Seterusnya, kami akan membuat penambahbaikan mengenai jenis font yang diguna pakai dalam aplikasi Deco Touch kerana

segelintir responden menyatakan bahawa mereka kurang faham mengenai jenis font yang diguna pakai.

### **3.3 KADEAH ANALISIS DATA**

Kajian ini akan dijalankan dengan mengedarkan set soal selidik melalui Google Form kepada pelanggan Syarikat Kenari Home Deco yang terlibat dengan penggunaan aplikasi Deco Touch. Kaji selidik ini akan mengambil masa selama seminggu iaitu dari proses mengedarkan set soal kaji selidik sehingga set soal kaji selidik itu kembali ke tangan kami. Soal kaji selidik diberikan kepada 50 orang responden.

### **SWOT ANALISIS**

Analisis SWOT adalah salah satu alat yang paling sering digunakan untuk menilai persekitaran dalaman dan luaran syarikat dan merupakan sebahagian daripada proses perancangan strategik syarikat. Strategi korporat Strategi korporat memfokuskan pada bagaimana menguruskan sumber, risiko untuk melihat kelebihan daya saing dalam strategi perniagaan. Sebagai tambahan, analisis SWOT boleh dilakukan untuk produk, tempat, industri, atau orang. Analisis SWOT membantu kedua-dua perancangan strategik. Analisis Strategik Analisis strategik merujuk kepada proses untuk merumuskan strategi. Definisi dan pembuatan keputusan, kerana memperkenalkan peluang kepada syarikat sebagai jambatan yang berpandangan ke hadapan untuk menghasilkan alternatif strategik. Analisis SWOT terbahagi kepada dua kategori utama, faktor dalaman dan faktor luaran.

### **3.4 IMPAK PROJEK**

Inovasi aplikasi Deco Touch telah diperincikan kepada empat bentuk impak dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

#### **a) IMPAK PRODUK TERHADAP SYARIKAT KENARI HOME DECO**

Penghasilan aplikasi ini telah membantu memudahkan pengguna dalam membuat pemilihan corak kertas hiasan dinding serta perkhidmatan yang lain didalam aplikasi. Ia dapat menarik perhatian pengguna dan dapat memberikan kesenangan kepada pengguna untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Syarikat Kenari Home Deco.

### **b) IMPAK PRODUK TERHADAP MASA**

Penggunaan aplikasi Deco Touch telah banyak membantu pekerja Syarikat Kenari Home Deco ke arah penjimatan masa dari segi membantu pelanggan membuat pemilihan corak kertas dinding berbanding dengan keadaan sebelumnya. Sebelum ini yang berkenaan terpaksa mengambil lebih banyak masa untuk menguruskan bahagian pemilihan corak kertas dinding yang dapat memuaskan hati pelanggan.

### **c) IMPAK PRODUK TERHADAP TENAGA**

Penggunaan aplikasi Deco Touch ini telah membantu ke arah penjimatan tenaga pekerja dari segi melayan dan menunggu pelanggan membuat pemilihan corak kertas hiasan dinding berbanding dengan keadaan sebelum ini. Setelah adanya aplikasi Deco Touch ini, pekerja hanya perlu terus pergi ke rumah pelanggan dan memasang kertas hiasan dinding yang telah dipilih oleh pelanggan di dalam aplikasi tersebut.

## **3.5 RUMUSAN**

Kesimpulannya, pada bab ini lebih memfokuskan kepada kos – kos yang terlibat dalam penghasilan produk kami iaitu Deco Touch. Selain itu, pada bab ini juga kami berjaya menghasilkan pelbagai analisis untuk memastikan produk diterima oleh para pengguna. Terdapat tiga perkara yang perlu dianalisis dengan tepat untuk mengetahui kos pembuatan dan keuntungan produk. Akhir sekali, kami juga telah mengedarkan satu borang soal selidik melalui google form dalam talian, untuk mendapatkan maklum balas mengenai aplikasi Deco Touch . Seramai 50 orang responden iaitu pelanggan daripada Syarikat Kenari Home Deco telah menjawab borang soal selidik ini. Dengan ini kami dapat membaiki lagi kekurangan didalam aplikasi Deco Touch.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Selain dari itu kajian ini juga akan membincangkan tentang dapatan kajian, kelebihan produk, kekurangan produk, masalah dalam penghasilan aplikasi, ujikaji yang telah dijalankan serta analisis kewangan yang terlibat untuk menghasilkan projek iaitu kos yang digunakan serta masa yang diambil untuk menyiapkan aplikasi Deco Touch.

#### **4.2 DAPATAN KAJIAN/ PENGUJIAN**

Hasil dapatan kajian atau pengujian aplikasi Deco Touch yang disiapkan telah mendapat maklum balas yang baik dari pelanggan Syarikat Kenari Home Deco. Statistik data daripada soal kaji selidik telah dikumpul dan disenaraikan di contoh bawah : -

Soalan/Jawapan	Maklum Balas dari Responden									
	Sangat setuju		Setuju		Biasa		Tidak Setuju		Sangat tidak setuju	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)
1. Adakah saiz font yang digunakan dalam aplikasi Deco Touch ini sesuai ?	35	<b>70</b>	16.7	<b>33.4</b>	46.7	<b>93.4</b>	1.7	<b>3.4</b>	0	<b>0</b>
2. Adakah jenis font yang digunakan dalam aplikasi Deco Touch ini sesuai ?	36.7	<b>73.4</b>	16.7	<b>33.4</b>	46.7	<b>93.4</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>

3. Adakah aplikasi Deco Touch mudah diakses ?	63.3	<b>126.6</b>	31.7	<b>63.4</b>	5	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
4. Adakah aplikasi Deco Touch mudah untuk membuat tempahan ?	68.3	<b>136.6</b>	28.3	<b>56.6</b>	3.3	<b>6.6</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
5. Adakah aplikasi Deco Touch menunjukkan perincian mengenai perkhidmatan yang ditawarkan ?	61.7	<b>123.4</b>	31.7	<b>63.4</b>	5	<b>10</b>	1.7	<b>3.4</b>	0	<b>0</b>
6. Adakah aplikasi Deco Touch ini dapat memudahkan dalam pemilihan reka bentuk yang pelbagai ?	66.7	<b>133.4</b>	31.7	<b>63.4</b>	1.7	<b>3.4</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
7. Adakah cara susunan dalam aplikasi Deco Touch ini jelas ?	60	<b>120</b>	35	<b>70</b>	5	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
8. Adakah butang tekan	50	<b>100</b>	46.7	<b>93.4</b>	3.3	<b>6.6</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>

yang disediakan dalam aplikasi Deco Touch ini berfungsi dengan baik?										
9. Adakah maklumat yang dinyatakan dalam aplikasi Deco Touch ini mudah difahami?	53.3	<b>106.6</b>	41.7	<b>83.4</b>	5	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
10. Adakah aplikasi Deco Touch ini memerlukan masa yang lama untuk muat turun?	10	<b>20</b>	11.7	<b>23.4</b>	3.3	<b>6.6</b>	26.7	<b>53.4</b>	48.3	<b>96.6</b>

Keberkesanan produk ini juga dianalisis dengan menggunakan analisis SWOT. SWOT dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh syarikat Kenari Home Deco. Hasil SWOT yang telah di analisis adalah seperti di bawah : -

## SWOT ANALISIS

### S- Strength (Kekuatan)

- a) Dapat mempercepatkan dan memudahkan urusan

Aplikasi Deco Touch ini akan mempercepatkan dan memudahkan urusan di Kenari Home Deco dengan hanya perlu menggunakan aplikasi untuk membeli wallpaper dan membuat

pembayaran atas talian. Aplikasi ini dilengkapi dengan cara pembayaran yang menggunakan kaedah transaksi secara atas talian seperti perbankan atas talian.

### **W-Weakness (Kelemahan)**

- a) Kekurangan dari segi kepelbagaian ciri ciri dalam aplikasi

Aplikasi Deco Touch memiliki kelemahan dari segi mempelbagaikan ciri-ciri lain di dalam aplikasi tersebut. Hal ini kerana Deco Touch hanya mempunyai dua fungsi iaitu pembelian wallpaper dan pembayaran atas talian. Tetapi ia mungkin boleh ditambah lagi ciri-ciri lain pada masa akan datang. Tambahan pula, aplikasi Deco Touch hanyalah boleh diakses oleh pengguna android sahaja.

### **O-Opportunities (Peluang)**

- a) Tidak banyak perniagaan perhiasan rumah mempunyai aplikasi yang memudahkan pelanggan.

Penggunaan aplikasi ini memberi kelebihan kepada perniagaan Kenari Home Deco kerana aplikasi seperti ini jarang ditemui di mana mana kedai perhiasan rumah dan ini memberi peluang terbuka kepada perniagaan Kenari Home Deco untuk mempunyai aplikasi sendiri. Ini kerana aplikasi merupakan salah satu teknologi hebat yang dapat memudahkan urusan pengguna. Oleh itu, pembangunan aplikasi ini memberi kelebihan kepada perniagaan yang melibatkan pengukuran dinding rumah secara automatik dan penggunaan wang tunai.

### **T-Threat (Ancaman)**

- a) Berkemungkinan kedai perhiasan rumah yang lain juga akan membangunkan aplikasi seperti ini. Pada era sekarang ini, ramai orang terutamanya para peniaga berpeluang membangunkan satu aplikasi dengan mudah. Hal ini menjadi kerisauan kerana berkemungkinan aplikasi untuk kedai perhiasan rumah lain juga boleh dibangunkan. Berkemungkinan aplikasi yang mungkin dibangunkan akan mempunyai kelebihan yang tidak setanding dengan aplikasi sebelumnya dan lebih banyak ciri-ciri khas boleh ditambah berbanding aplikasi Deco Touch ini.

## **4P's ANALISIS**

### **Product (produk)**

- Aplikasi Deco Touch**

Aplikasi ini dilengkapi dengan kelebihan seperti pengukuran kiraan jumlah gulung wallpaper yang perlu digunakan secara automatik dan pembayaran atas talian. Ini kerana pengukuran kiraan jumlah wallpaper yang perlu digunakan secara automatik dan pembayaran atas talian menjadi pilihan pengguna pada masa sekarang kerana caranya yang cepat dan mudah tanpa melibatkan tenaga dan penggunaan wang tunai. Oleh itu, aplikasi ini mempunyai kaedah pembayaran atas talian yang boleh dilakukan oleh kebanyakan pengguna yang menggunakan platform perbankan atas talian. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Playstore secara percuma.

### **Price (harga)**

- Percuma**

Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Playstore di telefon pintar anda secara percuma tanpa apa apa bayaran. Aplikasi ini boleh dimuat naik oleh pengguna android sahaja.

### **Place(tempat)**

- Syarikat Kenari Home Deco yang bertempat di Sungai Petani merupakan pusat perumahan yang sedang membangun banyak rumah. Ia telah menjadi tumpuan kepada pelanggan yang baru membeli rumah untuk dihiaskan. Syarikat Kenari Home Deco ini berada di tempat yang paling strategik dan mudah dilihat dari jauh serta berada di depan persimpangan jalan utama. Ini memudahkan proses promosi dan ia memberi kelebihan kepada Syarikat Kenari Home Deco untuk menarik lebih ramai pelanggan membeli dan memasang kertas hiasan dinding

### **Promotion (promosi)**

- Aplikasi ini menjadi satu elemen penting dalam melonjakkan perniagaan Syarikat Kenari Home Deco supaya kedai ini lebih dikenali oleh masyarakat setempat. Aplikasi ini akan diwar-warkan di laman web Kenari Home Deco dan juga akan dipaparkan di sudut luar kedai agar orang ramai boleh terus memuat naik aplikasi ini di telefon pintar mereka. Ini menunjukkan

bahawa Syarikat Kenari Home Deco mempunyai strategi dan idea yang bernes dalam mempengaruhi masyarakat untuk berurusan niaga dengan Syarikat Kenari Home Deco.

#### **4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPI KETIKA MEMBANUNKAN PRODUK)**

Dari hasil perbincangan, dengan adanya aplikasi Deco Touch ini, pemilik Syarikat Kenari Home Deco tidak perlu bimbang lagi akan persaingan kerana wujudnya Aplikasi Deco Touch ini dapat menasarkan lagi pelanggan yang gemar menggunakan telefon pintar sebagai perantaraan di dalam era digital ini. Sebaliknya, kelemahan utama mengakses aplikasi adalah kadang liputan internet tidak dapat menyempurnakan muat turun tersebut. Tambahan pula, masalah yang sering dihadapi oleh aplikasi Deco Touch adalah ia hanya boleh digunakan oleh telefon pintar android sahaja kerana telefon pintar iphone akan menyekat aplikasi yang tidak dikenali.

#### **4.4 KOS YANG TERLIBAT**

Kos pelaksanaan projek merupakan kos yang terlibat bagi menyiapkan “Aplikasi Deco Touch” adalah seperti dalam jadual 4.2 di bawah :-

KEPERLUAN	KOS (RM)
Kos aplikasi	350
Utiliti (bil api dan sebagainya)	80
Perbelanjaan lain	50

Rajah 4.2

#### **4.5 RUMUSAN**

Secara kesimpulan, bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian, perbincangan serta kos yang terlibat mengenai inovasi aplikasi Deco Touch. Fokus utama dalam bab ini adalah pada bahagian kelebihan, kekurangan aplikasi dan masalah yang dihadapi semasa proses pembangunan aplikasi tersebut dilakukan. Setiap pembangunan aplikasi haruslah mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini mengemukakan cadangan dan kesimpulan hasil kajian reka bentuk aplikasi “Deco Touch” yang telah dibagunkan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang) bagi menghasilkan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan produk.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Kelebihan innovasi aplikasi Deco Touch boleh diukur secara automatik dengan menunjukkan seberapa banyak gulung kertas hiasan dinding yang diguna pakai dan pelanggan dapat mengetahui tentang harga tersebut secara langsung. Kebanyakkan syarikat hiasan dalaman tidak mempunyai aplikasi tersendiri di Syarikat Kenari Home Deco ini.

Aplikasi ini telah dicuba oleh pelanggan dari Syarikat Kenari Home Deco untuk melihat keberkesanan aplikasi Deco Touch. Antara ciri yang perlu diperbaiki adalah jenis dan saiz font yang diguna pakai di dalam aplikasi Deco Touch ini supaya lebih menarik dan bersesuaian mengikut kehendak pelanggan.

Aplikasi Deco Touch ini mampu berdaya saing dengan baik di pasaran dan membantu memudahkan kerja semua golongan yang terlibat dengan aktiviti perkhidmatan pemasangan kertas dinding dan wiring.

Penggunaan aplikasi Deco Touch ini mempunyai kelemahan dari segi mengambil masa terlalu lama ketika memuat turun dan memerlukan rangkaian internet yang laju. Aplikasi Deco Touch dibangunkan untuk membantu dalam memudahkan aktiviti jual beli dengan Syarikat Kenari Home dan juga menyelesaikan masalah pelanggan dalam membuat pemilihan jenis warna, corak dan kertas hiasan dinding.

### **5.3 CADANGAN**

Aplikasi Deco Touch ini mempunyai kelebihan dan berkesan dalam membantu Syarikat Kenari Home Deco dalam proses menambah keuntungan dan boleh menjadi satu syarikat hias rumah yang terbaik dalam penggunaan aplikasi. Antara kelemahannya adalah rangkaian internet yang lemah boleh menyebabkan pengguna sukar untuk memuat turun aplikasi Deco Touch. Akhir sekali, diharapkan aplikasi ini dapat membantu dan boleh diguna pakai oleh Syarikat Kenari Home Deco untuk memudahkan lagi pelanggan mereka dalam urusan jual beli.

### **5.4 LIMITASI PROJEK**

#### **1. Jumlah analisis kajian**

Jumlah analisis kajian adalah terhad. Analisis projek ini dijalankan di Kawasan Sungai Petani, Kedah sahaja. Adalah lebih baik jika analisis ini dijalankan diseluruh negeri Kedah.

#### **2. Penggunaan Projek**

Aplikasi ini hanya boleh digunakan di Syarikat Kenari Home Deco sahaja buat masa ini .Sekiranya aplikasi Deco Touch ini berjaya memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan di syarikat Kenari Home Deco , sebagai pengkaji kami akan memperluaskan lagi teknologi seperti ini kepada syarikat yang berkaitan dengan hiasan kertas dalaman atau syarikat lain yang memerlukan satu aplikasi untuk memudahkan urusan jual beli mereka dengan pelanggan.

#### **3. Instrumen Kajian**

Kajian ini hanya menggunakan satu kaedah pengumpulan data iaitu melalui soal selidik. Selain soal selidik pengkaji boleh mendapat maklumat melalui temu buat dan lain lain kaedah.

### **5.5 RUMUSAN**

Secara dasarnya, kajian ini membincangkan mengenai penghasilan produk inovasi aplikasi Deco Touch yang dibangunkan untuk kegunaan pelanggan. Kajian ini mempunyai bab yang membincangkan mengenai proses membangunkan aplikasi Deco Touch. Kertas kerja projek ini megandungi lima (5) bab yang telah dibincangkan. Bab yang pertama membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian tentang syarikat Kenari Home Deco. Bab yang kedua membincangkan

tentang kajian lapangan seperti keperluan aplikasi, keberkesanan aplikasi dan perniagaan atas talian. Bab ketiga membincangkan mengenai kaedah metodologi seperti reka bentuk yang digunakan, kaedah analisis data dan impak projek. Seterusnya, bab keempat ialah mengenai dapatan kajian dan perbincangan mengenai keberkesanan aplikasi dan kos yang terlibat. Akhir sekali, bab kelima merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek.

## **RUJUKAN**

Kami telah merujuk kepada beberapa rujukan dari buku,internet,artikel dan lain-lain sumber yang dinyatakan di bawah untuk menyiapkan atau menyelesaikan kajian projek kami iaitu:-

- 1)<http://itaothman.weebly.com/kepentingan-menguasai-kemahiran-teknologi-maklumat->
- 2) <https://journal.kuim.edu.my/index.php/JBI/article/view/548>
- 3) Journal of Fatwa Management and Research | Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa | October 2019 |Vol. 18|No. 1|ISSN: 2232-1047 | eISSN: 0127-8886
- 4) Research in Management of Technology and Business Vol. 1 No. (2020) 369–380 © Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publisher's Office
- 5) Jurnal HISTORIA Volume 6, Nomor 2, Tahun 2018, ISSN 2337-4713 (e-ISSN 2442-8728)
- 6) <http://journal.stmikjayakarta.ac.id/index.php/jisamar/article/view/181>
- 7) <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/47418/>
- 8)<https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/25073>

## LAMPIRAN 1

Maklum Balas Responden dari kajian rintis

Soalan/Jawapan	Maklum Balas dari Responden									
	Sangat setuju		Setuju		Biasa		Tidak Setuju		Sangat tidak setuju	
No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	
1. Adakah saiz font yang digunakan dalam aplikasi Deco Touch ini sesuai ?	7	<b>70</b>	2	<b>20</b>	1	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
2. Adakah jenis font yang digunakan dalam aplikasi Deco Touch ini sesuai ?	6	<b>60</b>	2	<b>20</b>	2	<b>20</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
3. Adakah aplikasi Deco Touch mudah diakses ?	8	<b>80</b>	2	<b>20</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
4. Adakah aplikasi Deco Touch mudah untuk membuat tempahan ?	8	<b>80</b>	2	<b>20</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
5. Adakah aplikasi Deco Touch	8	<b>80</b>	2	<b>20</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>

menunjukkan perincian mengenai perkhidmatan yang ditawarkan ?										
6. Adakah aplikasi Deco Touch ini dapat memudahkan dalam pemilihan reka bentuk yang pelbagai ?	7	<b>70</b>	2	<b>20</b>	1	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
7. Adakah cara susunan dalam aplikasi Deco Touch ini jelas ?	8	<b>80</b>	2	<b>20</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
8. Adakah butang tekan yang disediakan dalam aplikasi Deco Touch ini berfungsi dengan baik?	7	<b>70</b>	3	<b>30</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
9. Adakah maklumat yang dinyatakan dalam aplikasi Deco Touch ini mudah difahami?	6	<b>60</b>	3	<b>30</b>	1	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>

10. Adakah aplikasi Deco Touch ini memerlukan masa yang lama untuk muat turun?	5	<b>50</b>	3	<b>30</b>	2	<b>20</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
--------------------------------------------------------------------------------	---	-----------	---	-----------	---	-----------	---	----------	---	----------

## LAMPIRAN 2

Maklum Balas Responden untuk Kajian Keberkesanan.

Soalan/Jawapan	Maklum Balas dari Responden									
	Sangat setuju		Setuju		Biasa		Tidak Setuju		Sangat tidak setuju	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)
1. Adakah saiz font yang digunakan dalam aplikasi Deco Touch ini sesuai ?	35	<b>70</b>	16.7	<b>33.4</b>	46.7	<b>93.4</b>	1.7	<b>3.4</b>	0	<b>0</b>
2. Adakah jenis font yang digunakan dalam aplikasi Deco Touch ini sesuai ?	36.7	<b>73.4</b>	16.7	<b>33.4</b>	46.7	<b>93.4</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
3. Adakah aplikasi Deco Touch mudah diakses ?	63.3	<b>126.6</b>	31.7	<b>63.4</b>	5	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>

4. Adakah aplikasi Deco Touch mudah untuk membuat tempahan ?	68.3	<b>136.6</b>	28.3	<b>56.6</b>	3.3	<b>6.6</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
5. Adakah aplikasi Deco Touch menunjukkan perincian mengenai perkhidmatan yang ditawarkan ?	61.7	<b>123.4</b>	31.7	<b>63.4</b>	5	<b>10</b>	1.7	<b>3.4</b>	0	<b>0</b>
6. Adakah aplikasi Deco Touch ini dapat memudahkan dalam pemilihan reka bentuk yang pelbagai ?	66.7	<b>133.4</b>	31.7	<b>63.4</b>	1.7	<b>3.4</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
7. Adakah cara susunan dalam aplikasi Deco Touch ini jelas ?	60	<b>120</b>	35	<b>70</b>	5	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
8. Adakah butang tekan yang disediakan dalam aplikasi Deco Touch ini	50	<b>100</b>	46.7	<b>93.4</b>	3.3	<b>6.6</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>

berfungsi dengan baik?										
9. Adakah maklumat yang dinyatakan dalam aplikasi Deco Touch ini mudah difahami?	53.3	<b>106.6</b>	41.7	<b>83.4</b>	5	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
10. Adakah aplikasi Deco Touch ini memerlukan masa yang lama untuk muat turun?	10	<b>20</b>	11.7	<b>23.4</b>	3.3	<b>6.6</b>	26.7	<b>53.4</b>	48.3	<b>96.6</b>

### LAMPIRAN 3

Bersama pemilik kedai kenari home deco

